

Submission date: 28/12/2020

Accepted date: 06/08/2021

DOI: 10.33102/abqari.vol24no2.361

**SEJARAH PERKEMBANGAN TATABAHASA ARAB DI DUNIA BARAT
OLEH ORIENTALIS PADA KURUN 16M-19M*****History of the Development of Arabic Grammar in the Western World by
Orientalists in 16th-19th Century***

Nurshuhadah Zuhaidi¹, Hakim Zainal²
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

¹shuhadahzuhaidi@gmail.com (Corresponding author)

²haza@ukm.edu.my

Abstract

The clash of Islamic civilization and the Western world has led to the transfer of Islamic sciences by Western orientalists. The sciences have been translated by orientalists into various languages such as Spanish, Latin, Italian and German. Among the sciences that have been translated is the knowledge of Arabic grammar. This knowledge of Arabic grammar is not only translated but also processed and adapted to the society in the Western world by seven orientalists of Arabic grammar. Accordingly, this writing aims to describe the history of the development of Arabic grammar in the Western world by seven orientalists in the period 16M-19M. The methodology of this study is qualitative which focuses on the framework of historical research methodology that is through the process of heuristics, criticism, interpretation and synthesis of sources. The results of the study found that the emergence of the discipline of Arabic grammar in the West began in the 16th century and was developed by seven orientalists in stages through their work.

Keywords: History of Arabic grammar, orientalists, Arabic grammarians, *nahw al-'Arabiyy*.

Abstrak

Pertembungan tamadun Islam dan dunia Barat telah membawa kepada perpindahan ilmu-ilmu Islam oleh orientalis. Ilmu-ilmu telah diterjemahkan oleh orientalis ke dalam pelbagai bahasa seperti Sepanyol, Latin, Itali dan Jerman. Antara ilmu-ilmu yang telah diterjemahkan ialah ilmu tatabahasa Arab. Ilmu tatabahasa Arab ini bukan

hanya diterjemahkan malah turut diolah dan disesuaikan dengan masyarakat di dunia Barat oleh tujuh orang orientalis tatabahasa Arab. Sehubungan itu, penulisan ini bertujuan untuk menghuraikan sejarah perkembangan tatabahasa Arab di dunia Barat oleh tujuh orang orientalis pada kurun 16M-19M. Metodologi kajian ini bercirikan kualitatif yang berfokus kepada kerangka metodologi penyelidikan sejarah iaitu melalui proses heuristik, kritik dan tafsiran. Hasil kajian mendapati bahawa kemunculan disiplin ilmu tatabahasa Arab di Barat telah bermula pada kurun ke-16M dan dikembangkan oleh tujuh orang orientalis secara berperingkat menerusi karya mereka. Kajian ini memberi gambaran secara menyeluruh tentang perkara yang dibincangkan oleh orientalis dalam bidang tatabahasa Arab khususnya pada kurun 16M-19M. Penulisan ini juga dilihat penting sebagai asas bagi kajian perbandingan antara perbincangan tatabahasa Arab menurut orientalis dan ulama Islam.

Kata kunci: sejarah tatabahasa Arab, orientalis, sarjana tatabahasa Arab, *nahw al-‘Arabiyy*

PENGENALAN

Tatabahasa Arab atau lebih dikenali dengan *al-Nahw al-‘Arabiyy* merupakan salah satu daripada disiplin ilmu yang terdapat dalam bidang pengajian Islam. Tatabahasa Arab ini mula disusun menjadi satu disiplin ilmu oleh ulama Islam seawal kurun pertama Hijrah dan terus berkembang hingga hari ini. Semasa era Perang Salib pada abad ke-12M, kemenangan berpihak kepada Islam dan membawa kekalahan kepada golongan Kristian. Rentetan daripada peristiwa kekalahan itu, dunia Barat mula menunjukkan minat mereka terhadap kajian mengenai Islam secara umumnya dan bahasa Arab secara khusus (Versteegh 1997).

Orientalis berpandangan bahawa mereka perlu mempelajari bahasa Arab kerana bahasa Arab merupakan bahasa musuh mereka iaitu Islam. Keduanya, mereka turut berpandangan bahawa bahasa Arab merupakan kunci untuk mereka menguasai khazanah ilmu khususnya bidang sains perubatan dan falsafah Greek (Forbes, D. 1863). Kedua-dua bidang tersebut ditulis dalam bahasa Arab dan karya dalam bahasa Arab ini merupakan karya yang sangat lengkap. Pemerintahan kerajaan Islam di Eropah pada abad ke-12M berada di bawah pimpinan kerajaan Islam Andalus. Justeru, golongan orientalis merasakan bahawa pintu untuk memasuki dunia keilmuan Islam pada ketika itu adalah melalui Cordova, ibu kota Sepanyol (Yoyo 2017).

Minat orientalis terhadap bahasa Arab turut dikaitkan dengan tujuan untuk melemahkan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w (Versegeeth, 1997). Oleh itu, dapat difahami bahawa gambaran awal hubungan antara dunia Islam dan orientalis didasari dengan rasa minat yang sebenar untuk mempelajari bahasa Arab dan juga rasa benci terhadap Islam. Menjelang abad ke-16M iaitu selepas zaman

Renaissance, mereka mula memberi perhatian sepenuhnya terhadap kajian mengenai Islam dan bahasa Arab secara khususnya. Pada mulanya, tujuan mempelajari bahasa Arab adalah untuk memesongkan ajaran Islam. Namun, tujuan tersebut berubah apabila golongan orientalis menyedari bahawa bahasa Arab merupakan alat untuk menguasai bidang ilmu yang lain (Forbes, D. 1863).

Sejak dari itu, kajian terhadap bahasa Arab mula mendapat perhatian golongan orientalis yang membawa kepada penghasilan penulisan tatabahasa Arab oleh mereka. Justeru, penulisan ini akan melihat dengan lebih mendalam perbincangan para orientalis ini terhadap tatabahasa Arab. Terdapat tujuh orang orientalis yang diiktiraf sebagai ahli atau sarjana dalam bidang tatabahasa Arab di dunia Barat. Setiap daripada mereka ini telah menghasilkan penulisan tatabahasa Arab mengikut pandangan masing-masing.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini bercirikan kualitatif yang berfokus kepada kerangka metodologi penyelidikan sejarah iaitu melalui proses heuristik, kritik, tafsiran dan sintesis sumber. Proses heuristik merupakan proses mencari, mengumpulkan dan menyaring sumber-sumber sejarah yang berkaitan (Alian 2012). Sumber-sumber sejarah dalam kajian ini merujuk kepada manuskrip dan karya asli mengenai tatabahasa Arab yang dihasilkan oleh tujuh orang orientalis. Sumber ini dikenali sebagai sumber primer iaitu karya asli yang belum diulang cetak dan diubah suai. Sumber sekunder juga turut dikumpulkan dalam proses ini seperti laporan, ulasan dan kajian-kajian terhadap sumber primer yang dijalankan oleh pihak lain.

Selepas mengumpulkan sumber melalui proses heuristik, proses kritikan dijalankan ke atas sumber primer dan sekunder tersebut. Terdapat dua bentuk kritikan iaitu kritikan luaran dan kritikan dalaman. Kritikan luaran bertujuan untuk mengesahkan ketulenan sumber dari segi masa, tempat dan individu yang menghasilkan sumber tersebut (Arba'iyah 2000). Hasilnya mendapati bahawa kesemua karya tatabahasa Arab oleh tujuh orang orientalis ini dihasilkan pada kurun 16M-19M. Kritikan dalaman pula dilakukan terhadap isi kandungan yang telah disahkan kesahihannya semasa melakukan kritikan luaran. Menerusi proses ini, siapa yang mengeluarkan sumber berkenaan akan dikenal pasti terlebih dahulu dan seterusnya kandungan sumber sekunder pula diuji untuk mengetahui kaitannya dengan fakta-fakta primer yang diketahui. Hal ini bertujuan bagi mendapatkan ketepatan maklumat yang terkandung dalam sumber-sumber berkenaan (Arba'iyah 2000).

Akhir sekali, makna yang terkandung di sebalik fakta-fakta tersebut serta hubungan antara pelbagai fakta akan dinilai menerusi proses tafsiran. Terdapat dua bentuk tafsiran iaitu analisis dan sintesis (Alian 2012). Fakta-fakta yang diperoleh akan

dianalisis bagi mengenal pasti aspek yang dibincangkan oleh tujuh orang orientalis mengenai tatabahasa Arab semasa kurun 16M-19M. Selepas mengenal pasti aspek perbincangan tersebut, proses sintesis dijalankan ke atas fakta tersebut bagi merangka sebuah penulisan sejarah yang tulen dan lengkap. Hasilnya, perbincangan dapatan kajian ini disusun berdasarkan tujuh orang orientalis tersebut bermula dari kurun 16M hingga 19M. Karya dan aspek perbincangan setiap orientalis mengenai tatabahasa Arab turut dimuatkan dalam dapatan kajian.

TAKRIFAN ORIENTALIS

Perkataan orientalis berasal daripada bahasa Perancis, *orient* yang bermaksud timur. Menurut Alwi Shihab (1999), *orient* merujuk kepada dunia Timur manakala perkataan *orient* dari sudut etnologi dapat difahami sebagai golongan atau bangsa Timur. Seterusnya, istilah *oriental* terbit sebagai kata sifat yang membawa makna hal-hal bersifat ketimuran. Manakala orientalis ialah kata nama pelaku yang merujuk kepada individu yang mahir tentang hal-hal rantau Timur meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti agama, bahasa, etnologi, arkeologi, politik, sosial, ekonomi dan banyak lagi (Abd Rahim 2010). Justeru, Edward W. S. (1978) menjelaskan orientalis sebagai individu dari Barat yang membuat kajian tentang agama-agama di Timur khususnya agama Islam. Bagi dunia Islam, orientalis merupakan pengkaji dari Barat yang membuat kajian terhadap tamadun Islam dan hal-hal berkaitan dengan Islam seperti al-Quran, hadis, sejarah dan bahasa (Edward W. S. 1978).

Kemunculan orientalis disebabkan oleh beberapa faktor seperti psikologi, sejarah, ekonomi, ideologi, agama, penjajahan dan intelektual (Murad 2004). Bukan itu sahaja, kewujudan pelbagai kajian yang dilakukan oleh para pengkaji Barat terhadap dunia Timur turut menjadi faktor kemunculan orientalis. Kajian-kajian tersebut meliputi aspek politik, agama, sejarah, kebudayaan dan bahasa. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai karya yang dihasilkan membincangkan tentang isu-isu di dunia Timur.

Walau bagaimanapun, ulama Arab moden berbeza pendapat mengenai permulaan gerakan orientalis. Ibrahim 'Abd al-'Id al-Labban, Jurji Zaydan dan Ahmad al-Iskandarani berpandangan bahawa gerakan orientalis ini telah bermula sejak abad ke-10M. Manakala Ahmad al-Sharbasi dan Muhammad al-Bahiy berpendapat bahawa gerakan orientalis bermula pada abad ke-12M (Murad 2004). Meskipun terdapat perbezaan pendapat mengenai tahun permulaan gerakan orientalis, namun gelaran orientalis tersebut masih kekal hingga ke hari ini (Abd Rahim 2010). Berdasarkan Dewan Redaksi Ensiklopedi Islam (1999), pembahagian era kemunculan orientalis ini boleh dibahagikan kepada tiga zaman iaitu:

Zaman Keemasan Islam Sebelum Perang Salib (620M-1250M)

Zaman keemasan Islam di sini merujuk kepada zaman Kerajaan Umayyah di Andalus dan Kerajaan Abbasiyah di Baghdad (al-Maqqari 1921). Andalus dan Baghdad ialah kota peradaban dan ilmu pengetahuan. Penduduk Andalus yang berasal daripada pelbagai bangsa dan sebahagiannya ialah bangsa Eropah telah menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan harian mereka. Pada ketika ini, orientalis sudah mula muncul di dunia Barat untuk mempelajari bahasa Arab. Antara golongan orientalis terawal yang muncul ketika itu ialah Gerbert D'Aurillac, seorang penganut Kristian dari Itali dan Adelard dari England. Gerbert D'Aurillac telah pulang ke Itali dan menjadi ketua paderi dengan gelaran Sylvester II manakala Adelard kembali ke England dan menterjemah sumber-sumber bahasa Arab ke dalam bahasa Latin (Dewan Redaksi Ensikopedi Islam 1999).

Bukan itu sahaja, bahasa Arab pada zaman ini telah dimasukkan ke dalam kurikulum dan silibus di institut pengajian tinggi di Eropah seperti institut perguruan Eropah di Bologna (Itali) pada tahun 1076M, Chartres (Perancis) tahun 1117M, Oxford (London) tahun 1167M dan Paris pada tahun 1179M. Hal ini juga telah membawa kepada kemunculan penterjemah generasi pertama di dunia Eropah iaitu Constantinus Africanus (1087M) dan Gerard Cremonia (1187M) (Murad 2004).

Zaman Perang Salib Hingga Zaman Pencerahan (1096M-1715M)

Semasa era Perang Salib, kegiatan orientalis ini semakin rancak dengan aktiviti menterjemah teks dan sumber Islam ke bahasa Latin. Antara teks dan sumber Islam yang diterjemah termasuk al-Quran, hadis dan sirah Nabi Muhammad s.a.w (Esposito 2001). Menjelang abad ke-12M, aktiviti menterjemah semakin rancak dalam kalangan bangsa Eropah. Sebagai contoh pada tahun 1142M, ketua biarawan Cluny di Perancis iaitu Peter telah datang ke Sepanyol untuk menjalankan kajian terhadap Islam dengan sistematik. Beliau telah mengumpulkan penterjemah dan orientalis di Sepanyol untuk menjalankan kegiatan tersebut (Harun 1995).

Kerja-kerja penterjemahan sumber Islam tersebut melibatkan teks-teks Islam dalam bahasa Arab yang memuatkan tentang sirah Nabi Muhammad s.a.w. Teks-teks ini diterjemah dan kemudiannya diseleweng sehingga membawa makna negatif terhadap Islam dan Nabi Muhammad s.a.w khususnya. Aktiviti terjemahan yang dijalankan oleh Peter ini telah menghasilkan sebuah karya iaitu *Korpus Cluniac* yang telah menjadi rujukan orientalis mengenai Islam (Esposito 2001).

Bukan itu sahaja, terjemahan al-Quran ke bahasa Latin yg pertama telah dilakukan dan diselenggarakan pada tahun 1143M oleh Pendeta Fizabel. Pada abad yang sama juga kamus Latin-Arab pertama turut dikarang (Murad 2004).

Aktiviti penterjemahan abad ke-12 ini semakin rancak dengan kemunculan sarjana Islam, Ibn Sina yang telah menghasilkan banyak karya falsafah dan ilmiah. Karya-karya ini kemudiannya telah diterjemah daripada bahasa Arab ke bahasa Latin oleh golongan orientalis pada akhir abad pertengahan. Hasil terjemahan pada abad ini agak berbeza dengan hasil terjemahan pada abad ke-10M kerana karya-karya tersebut diterjemah dengan telus tanpa sebarang penyelewengan (Esposito 2001).

Zaman Pencerahan Eropah (1715M-1789M) Hingga Zaman Kolonialisme

Zaman pencerahan di Eropah telah mengubah sudut pandang orientalis untuk bersikap lebih objektif dalam kajian dan penulisan mereka. Sehubungan itu, penulisan dan kajian yang dilakukan bertujuan untuk mencari kebenaran (Esposito 2001). Antara orientalis yang menonjolkan nilai positif dalam penulisan mengenai Islam ialah Voltaire (1648M-1778M) dan Thomas Carlyle (1896M-1947M). Menurut Abd Rahim (2010), nilai positif yang dimuatkan dalam penulisan mereka ini berbentuk penghargaan terhadap al-Quran dan Nabi Muhammad s.a.w.

Walau bagaimanapun, penulisan berbentuk positif terhadap Islam pada zaman kolonialisme didasari oleh kepentingan politik. Golongan orientalis telah datang ke dunia Timur untuk mempelajari budaya, sosial, politik dan ekonomi dunia Islam khususnya di Timur Tengah dengan tujuan untuk menyebarkan kolonialisme ke dunia Islam. Sehubungan dengan itu, dunia Islam perlu difahami dan dipelajari dengan betul dan mendalam agar usaha penyebaran kolonialisme dapat dijayakan (Abd Rahim 2010).

Menjelang abad ke-20, kajian orientalis semakin bersifat ilmiah dan pembelajaran bahasa Arab semakin mendapat perhatian para orientalis. Walau bagaimanapun, tidak semua penulisan orientalis ini diterima oleh ulama dan intelektual Islam kerana masih terdapat segelintir orientalis yang mempunyai agenda ideologinya yang tersendiri (Abd Rahim 2010).

DEFINISI TATABAHASA ARAB (AL-NAHW AL-^cARABIY)

Setiap bahasa mempunyai sistem dan struktur tatabahasa tersendiri. Terdapat bahasa yang mempunyai persamaan struktur tatabahasa dengan bahasa lain dalam beberapa aspek seperti pembahagian kata dan sistem bahasa tersebut (Najjah 2011). Menurut Arbak Othman (1981), ciri-ciri tersusun yang terdapat dalam sesuatu bahasa itu dikenali sebagai sistem berperaturan dan sistem ini yang difahami sebagai tatabahasa. Sulaiman Masri et al. (2006) turut berkongsi pendapat yang sama mengenai makna tatabahasa iaitu tatabahasa ialah peraturan bagi penggunaan komponen bahasa. Berdasarkan kenyataan tersebut jelaslah bahawa tatabahasa merupakan satu peraturan yang sistematik yang menjadi panduan dalam sesuatu bahasa.

Bahasa Arab mempunyai sistem tatabahasa tersendiri dikenali sebagai *al-Nahw al-‘Arabiyy* (Najjah 2011). Menurut Shawqi Dayf (1968), tatabahasa Arab adalah satu kaedah menentukan baris akhir bagi sesuatu perkataan bergantung kepada kedudukannya dalam ayat. Bukan itu sahaja, beliau juga turut menyatakan bahawa tatabahasa Arab ialah kaedah untuk mengetahui pembentukan sesuatu perkataan. Sehubungan dengan itu, al-Hashimiyy (1998) berpandangan bahawa morfologi bukan satu cabang ilmu yang berdiri dengan sendiri, sebaliknya ia adalah sebahagian daripada tatabahasa Arab. Hal ini berbeza dengan Mustafa (1972) yang mendefinisikan tatabahasa Arab ialah satu disiplin ilmu bagi menentukan baris akhir sesuatu perkataan daripada aspek *i‘rab* (fleksi) dan *bina’* (tidak fleksi).

Di samping itu, Mat Taib Pa (2006) yang menjelaskan bahawa tatabahasa Arab ini ialah satu rumus atau kaedah yang diperlukan bagi membantu penggunaan bahasa dengan betul. Beliau juga berpendapat bahawa tatabahasa Arab ini bukan *ghayah* (tujuan) tetapi ia adalah satu cara atau *wasilah* dalam penggunaan bahasa yang betul. Menurut beliau juga, tatabahasa Arab ini merangkumi semua bentuk rumus atau kaedah yang dapat membantu seseorang menggunakan bahasa Arab dengan betul termasuklah kaedah *sarf* (morfologi).

Berdasarkan pandangan para sarjana mengenai takrifan tatabahasa Arab ini, dapat dirumuskan bahawa Bahasa Arab mempunyai sistem tatabahasanya yang tersendiri sama seperti bahasa-bahasa yang lain sebagaimana yang dijelaskan oleh Mustafa Daud (1994) bahawa tatabahasa Arab ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu strukturnya yang sistematik memudahkan penuntut dan penutur untuk mempelajarinya dengan mudah.

SEJARAH KEMUNCULAN TATABAHASA ARAB

Tatabahasa Arab bermula dan berkembang di Basrah pada kurun pertama Hijrah. Antara ulama pada zaman itu ialah Abu al-Aswad al-Du‘ali, Nasr ibn ‘Asim, ‘Abd Rahman Ibn Hurmuz sehingga kepada kemunculan al-Khalil Ibn Ahmad al-Farahidi dan Sibawayh. Selepas itu, tatabahasa Arab mula meluas sehingga ke Kufah, Baghdad, Mesir dan seterusnya ke Andalus. Kawasan-kawasan ini menjadi pusat kepada aliran-aliran tatabahasa Arab yang dikenali sehingga hari ini (Shawqi Dayf 1968).

Menurut pandangan Shawqi Dayf (1968), kemunculan tatabahasa Arab ini disebabkan oleh dua faktor utama iaitu faktor keagamaan dan bukan keagamaan. Faktor keagamaan di sini bermaksud penjagaan ayat-ayat al-Quran daripada *al-lahn* (kesalahan). Pertambahan bilangan orang ajam (bangsa selain bangsa Arab) yang memeluk Islam telah menjadi pendorong utama kepada pengasasan disiplin ilmu nahu ini bagi mengelakkan kesalahan dalam bacaan al-Quran. Kesalahan dalam bacaan al-

Quran ini merujuk kepada kesalahan *i‘rab* iaitu kesalahan dalam meletakkan baris akhir kalimah. Hassan (2003) turut menjelaskan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh orang ‘ajam dalam membaca al-Quran ini disebabkan penguasaan bahasa Arab yang lemah dan masalah ini telah muncul pada awal Islam lagi.

Seterusnya, faktor bukan keagamaan pula merujuk kepada usaha orang Arab untuk memelihara bahasa Arab daripada kesalahan dalam pertuturan disebabkan oleh asimilasi dengan orang bukan Arab. Secara rangkumannya dapat difahami bahawa sejarah kemunculan penyusunan disiplin ilmu tatabahasa Arab ini didorong oleh faktor ingin memelihara bacaan al-Quran dan pertuturan bahasa Arab daripada kesalahan (al-lahn) (Shawqi Dayf 1968).

Selain itu, kemunculan ilmu tatabahasa Arab ini turut dilihat daripada dua faktor yang lain iaitu faktor sosial dan faktor peradaban. Faktor sosial di sini bermaksud berlaku kesalahan penulisan dan pertuturan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat dan komuniti sosial. Hal ini demikian kerana, peluasan wilayah Islam telah mengakibatkan percampuran antara orang Arab dan ajam (al-Suhaili 1992 & Abdul Hadi 1998). Perkara ini telah menyebabkan berlaku percampuran dalam bahasa Arab dan para ulama pada ketika itu mula khuatir akan berlaku kerosakan terhadap bahasa Arab. Oleh itu, Abu al-Aswad al-Du‘ali telah dipertanggungjawabkan untuk memikirkan cara bagi menyelesaikan isu tersebut dan akhirnya telah membawa kepada pengasasan ilmu tatabahasa Arab (Hassan 2003).

Selepas ilmu tatabahasa Arab ini diasaskan oleh Abu al-Aswad al-Du‘ali, faktor peradaban telah membantu kepada perkembangan dan peluasan ilmu tatabahasa Arab. Faktor peradaban di sini bermaksud pembukaan wilayah-wilayah Islam selepas zaman Khulafa’ al-Rasyidin. Sebagai contoh, sewaktu zaman Abbasiyah pada pertengahan kurun ke-2H, ilmu tatabahasa Arab telah berkembang dan meluas ke Basrah sekaligus menjadikan Basrah sebagai pusat ilmu dan peradaban bagi semua bentuk ilmu pengetahuan terutama tatabahasa Arab. Situasi ini disebut sebagai faktor peradaban yang telah menjadi faktor perkembangan ilmu tatabahasa Arab.

PENGLIBATAN ORIENTALIS DALAM KAJIAN BERKAITAN ISLAM

Bangsa Eropah telah lama tertarik dan berminat untuk mempelajari Islam sejak abad ke-12M lagi iaitu semasa era Perang Salib. Mereka berminat untuk mempelajari Islam secara umumnya dan bahasa Arab secara khususnya. Hal ini demikian kerana bahasa Arab merupakan bahasa musuh mereka. Bukan itu sahaja, bahasa Arab juga merupakan kunci bagi mereka memahami ilmu sains perubatan dan falsafah Greek yang ditulis dalam bahasa Arab (Yoyo & Abdul Mukhlis 2019). Bagi mereka, buku-buku mengenai sains perubatan dan falsafah Greek yang ditulis dalam bahasa Arab sangat lengkap dan merupakan asas utama bagi memahami khazanah ilmu empayar

Islam yang lain. Menjelang abad ke-13M, mereka mula mendatangi dunia Islam bagi mempelajari ilmu sains khususnya, sebelum kembali semula ke tanah air mereka. Kegiatan ini bertambah rancak selepas Zaman Pembaharuan (*Renaissance*) yang berlaku sekitar abad ke-14M hingga 17M. Era ini ialah satu era pembaharuan dan kebangkitan bagi dunia Eropah dalam pelbagai bidang khususnya ilmu pengetahuan.

Dunia Barat telah mula menghantar wakil mereka yang terdiri daripada sarjana dan ilmuwan mereka ke Andalus untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam. Ilmu-ilmu Islam yang dipelajari pada ketika itu bukan sahaja ilmu-ilmu agama malah turut meliputi ilmu-ilmu dalam bidang bukan keagamaan seperti matematik, perubatan, fizik, sains, astronomi dan banyak lagi.

Walau bagaimanapun, bangsa Eropah menemui kesukaran untuk menguasai bidang pengetahuan yang dipelopori Islam pada ketika itu kerana semua sumber keilmuan ditulis dalam bahasa Arab. Melihatkan kepada masalah ini, bangsa Eropah mula menyedari kepentingan dan keperluan untuk menguasai bahasa Arab. Menurut mereka, bahasa Arab adalah kunci untuk memasuki khazanah ilmu umat Islam ketika itu. Justeru, orientalis mula mendalami dan menterjemah ilmu tatabahasa Arab supaya ilmu-ilmu lain dapat difahami dengan mudah.

PENGLIBATAN ORIENTALIS DALAM BIDANG TATABAHASA ARAB

Kekangan bahasa yang dihadapi oleh bangsa Eropah untuk membaca karya keilmuan umat Islam telah mendorong orientalis untuk mempelajari bahasa Arab. Orientalis mendapati buku-buku mengenai falsafah Greek dan ilmu perubatan yang ditulis dalam bahasa Arab sangat lengkap dan penting. Hal ini berlaku kerana, kedua-dua bidang tersebut menjadi laluan utama untuk menguasai bidang intelektual. Pembukaan kerajaan Islam Andalus di Sepanyol pada abad ke-13M telah menjadi sasaran utama orientalis untuk mempelajari bahasa Arab sekaligus menguasai bahan bacaan sumber umat Islam pada ketika itu (Murad 2004).

Menurut Versteegh (1997), tujuan utama golongan orientalis ini ingin menguasai bahasa Arab adalah untuk menyerang dan melemahkan ajaran Nabi Muhammad s.a.w di samping menguasai khazanah ilmu yang dimiliki oleh umat Islam ketika itu. Hal ini berbeza dengan Ferguson, C. A. (1964) dan Arnold, T. W. (1917) yang berpendapat bahawa tujuan utama orientalis ingin mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami istilah dan sistem perubahan perkataan bahasa Arab. Menurut Forbes, D. (1863), bahasa Arab bagaikan alat atau kunci bagi orientalis untuk membuat kajian dalam bidang pengajian Islam.

Sebagaimana yang telah disebut sebelum ini, kemunculan disiplin ilmu tatabahasa Arab di dunia Arab didorong oleh faktor ingin memelihara bacaan al-Quran dan

pertuturan bahasa Arab daripada kesalahan yang disebabkan oleh golongan ajam tetapi hal ini berbeza dengan faktor kemunculan tatabahasa Arab di dunia Barat. Kemunculan tatabahasa Arab di dunia Barat didorong oleh rasa minat dan budaya golongan Barat itu sendiri yang sentiasa mempelajari bahasa asing yang lain termasuk bahasa Arab (Yoyo & Abdul Mukhlis 2019).

Secara ringkasnya dapat difahami bahawa pertembungan tamadun Islam dengan tamadun Barat telah menarik minat orientalis khususnya untuk menguasai semua cabang dan bidang ilmu yang dimiliki oleh tamadun Islam. Kekangan bahasa yang dihadapi orientalis untuk memahami bahan bacaan umat Islam telah menjadi faktor utama kepada penglibatan mereka dalam kajian tatabahasa Arab.

PERKEMBANGAN TATABAHASA ARAB DI DUNIA BARAT OLEH ORIENTALIS

Subtopik ini akan menghuraikan sejarah perkembangan tatabahasa Arab di dunia barat oleh tujuh orang orientalis yang bermula pada kurun ke-16M iaitu pada tahun 1505M. Senarai nama orientalis berserta karya mereka mengenai tatabahasa Arab dapat dilihat dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: Senarai Nama Orientalis Berserta Karya

Bil.	Orientalis	Karya
1.	Pedro de Alcala (1505M)	Arte Para Ligera-mente Saber La Lengua Arauiga
2.	William Postel (1538)	Die Arabischen Studien in Europa Bis In Den Anfang Des 20.
3.	Thomas Erpenius (1636)	Grammatica Arabica
4.	A. I. Silvestre De Sacy (1810)	Grammaire Arabe
5.	G. H. A. Ewald (1831)	Grammatica Critica Linguae Arabicae
6.	C. P. Caspari (1844)	Grammatica Arabica
7.	W. Wright (1862/1874)	A Grammar of the Arabic Language

Kesemua orientalis ini merupakan sarjana Barat yang menulis dan membincangkan ilmu tatabahasa Arab dalam pelbagai bahasa bermula dengan bahasa Latin dan kemudian diikuti dengan bahasa Jerman, Perancis, Itali dan Inggeris (Yoyo & Abdul Mukhlis 2019). Terdapat pelbagai topik dan aspek tatabahasa Arab yang dibincangkan oleh golongan orientalis ini. Justeru, perbincangan dalam subtopik ini akan melihat perkembangan dari segi perbincangan tatabahasa Arab yang dibawa oleh setiap orientalis tersebut. Huraianya adalah seperti berikut:

Pedro de Alcalá (1505M)

Pedro de Alcalá ialah seorang ahli tatabahasa Arab di Sepanyol pada tahun 1455M. Karya pertama beliau ialah *Vocabulista Arauiga En Letra Castellana*, sebuah kamus Sepanyol-Arab dan diikuti dengan penulisan tentang tatabahasa Arab berjudul *Arte Para Ligera-mente Saber La Lengua Arauiga* pada tahun 1505M (Yoyo & Abdul Mukhlis 2019).

Karya Pedro de Alcalá berjudul *Arte Para Ligera-mente Saber La Lengua Arauiga* ini dianggap sebagai karya pertama mengenai tatabahasa Arab yang diterbitkan secara rasmi dalam bahasa Sepanyol (Killean 1984). Meskipun ditulis dalam bahasa Sepanyol, namun Pedro turut memuatkan bentuk huruf hijaiyyah berserta transliterasi dalam bahasa Latin pada bahagian awal karya tersebut (Cowan, W. 1981).

Perbincangan utama dalam karya ini memfokuskan dialek Arab yang digunakan oleh bangsa Afrika Utara. Dialek tersebut ialah dialek yang sama digunakan oleh komuniti Muslim di Sepanyol pada ketika itu. Perbincangan mengenai dialek Arab dalam karya ini bertujuan untuk membantu paderi-paderi di Sepanyol mempelajari dan menguasai dialek Arab yang digunakan oleh golongan Muslim Sepanyol. Usaha ini bertujuan untuk memudahkan gerak kerja paderi Sepanyol mengkristiankan golongan Muslim Sepanyol (Cowan, W. 1981).

Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut, penulis merumuskan bahawa penulisan tatabahasa Arab oleh Pedro de Alcalá bukan bertujuan untuk mempelajari bahasa Arab semata-mata sebaliknya mempunyai agenda keagamaan yang tersendiri iaitu bagi memudahkan usaha paderi Sepanyol mengkristiankan penduduk Muslim Sepanyol.

William Postel (1538M)

William Postel atau disebut juga sebagai Guillaume Postel merupakan seorang ahli bahasa di Perancis. Beliau telah menghasilkan sebuah penulisan tatabahasa Arab berjudul *Die Arabischen Studien in Europa Bis In Den Anfang Des 20* yang diterbitkan pada tahun 1538M dalam bahasa Perancis.

Perbincangan secara mendalam terhadap karya William ini tidak banyak dibincangkan oleh para sarjana (Yoyo & Abdul Mukhlis 2019). Walau bagaimanapun, dapat dikenalpasti bahawa penulisan William terhadap tatabahasa Arab dalam *Die Arabischen Studien in Europa Bis In Den Anfang Des 20* masih kurang lengkap. Hal ini disokong oleh Killean (1981) yang menjelaskan bahawa secara umumnya, karya tersebut tidak mengandungi maklumat yang tepat dan kukuh mengenai tatabahasa Arab.

Thomas Erpenius (1636M)

Thomas Erpenius atau nama sebenar Thomas Van Erpe ialah seorang orientalis berasal dari Jerman. Beliau ialah orientalis dari Eropah yang pertama menghasilkan sebuah buku mengenai tatabahasa Arab berjudul *Grammatica Arabica* yang telah diterbitkan pada tahun 1636M. Thomas telah menghasilkan dua buah buku sebelum *Grammatica Arabica* iaitu *Five Books on Arabic Grammar* pada tahun 1613M dan *Rudiments of Arabic* pada tahun 1620M. *Grammatica Arabica* diterbitkan 16 tahun selepas *Rudiments of Arabic* dan dianggap sebagai sebuah karya yang lengkap berbanding dua buah karya sebelum itu.

Karya Thomas berjudul *Grammatica Arabica* ialah sebuah karya yang terkenal di dunia Eropah kerana mudah difahami dan dikuasai oleh bangsa Eropah. Hal ini kerana, Thomas menggunakan teknik penyampaian tatabahasa Arab berpandukan model tatabahasa Greek dan Latin. Bangsa Eropah sememangnya sudah menguasai tatabahasa Greek dan Latin. Justeru, inisiatif yang diambil oleh Thomas untuk menulis tatabahasa Arab berpandukan model tatabahasa Greek dan Latin sedikit sebanyak membantu bangsa Eropah untuk mempelajari tatabahasa Arab dengan mudah.

Walau bagaimanapun, terdapat isu yang dipertikaikan dalam *Grammatica Arabica* iaitu mengenai perbincangan daripada aspek sintaksis dalam bahasa Arab. Thomas memuatkan keseluruhan perbincangan sintaksis bahasa Arab hanya secara ringkas dalam 9 muka surat sahaja. Perkara ini dilihat sebagai satu bentuk kekurangan yang terdapat dalam karya *Grammatica Arabica* kerana perbincangan mengenai sintaksis bahasa Arab ialah satu topik yang luas dan tidak seharusnya dimuatkan secara ringkas dengan bilangan muka surat yang sedikit (Stewart 1841).

Sungguhpun begitu, karya Thomas berjudul *Grammatica Arabica* menjadi sebuah karya terulung di Eropah apabila karya tersebut diulang cetak dan ditambah baik oleh beberapa orang penulis selepas beliau seperti Johann Hirt dan John Richardson. Johann Hirt telah menerbitkan karya Thomas ini dari bahasa Jerman ke bahasa Latin pada tahun 1770M manakala John Richardson menerbitkan karya tersebut ke dalam bahasa Inggeris dan menjadi karya pertama yang dihasilkan dalam bahasa Inggeris.

A. I. Silvestre De Sacy (1810M)

A. I. Silvestre De Sacy atau nama sebenar Antoine Isaac Baron Silvestre de Sacy berasal dari Perancis. Beliau antara orientalis Perancis yang menghasilkan penulisan mengenai tatabahasa Arab berjudul *Grammaire Arabe* pada tahun 1810M.

De Sacy berusaha untuk menghasilkan sebuah asas tatabahasa Arab yang menepati kedua-dua ciri tatabahasa menurut fahaman beliau dan sarjana nahu Arab. Namun, beliau menemukan kesukaran untuk merealisasikan perkara tersebut. Sehubungan itu,

dalam karya *Grammaire Arabe*, terdapat satu bahagian perbincangan yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sintaksis Arab menurut De Sacy dan bahagian kedua ialah sintaksis Arab menurut sarjana nahu Arab (Killean 1984).

Menurut Killean (1984), hasil kerja De Sacy banyak merujuk kepada karya Martellotto iaitu *Institutiones Linguae Arabicae* dan ulasan Thomas Obicin terhadap karya terjemahan Ibn Adjurrum berjudul *al-Ajurrumiyyah* yang diterbitkan pada tahun 1631. Berdasarkan kenyataan tersebut, jelas menunjukkan bahawa De Sacy tidak merujuk kepada sumber primer tatabahasa Arab dalam usaha menghasilkan karyanya.

Rentetan daripada itu, timbul beberapa masalah dan isu dalam huraian dan penjelasan De Sacy dalam karyanya seperti huraian yang kurang jelas semasa membuat analisis terhadap sesuatu topik. Bukan itu sahaja, analisis yang dipaparkan juga didapati berbeza dengan prinsip asal tatabahasa Arab kerana bercampur dengan pandangan dan pendapat De Sacy sendiri (Killean 1984). Hal ini dilihat sebagai satu kekangan yang besar bagi sarjana nahu Barat kerana mereka tidak mempunyai satu sistem khas dalam mempersembahkan tatabahasa Arab tanpa mengikut acuan dan prinsip asal yang diperkenalkan oleh sarjana nahu Arab.

G. H. A. Ewald (1831M)

G. H. A. Ewald atau nama sebenar Georg Heinrich August Ewald ialah seorang orientalis di Jerman. Beliau ialah seorang ahli falsafah dan pengkaji Bible. Selain itu, beliau juga merupakan seorang pensyarah dalam bidang pengajian ketimuran. Pada tahun 1831M, beliau telah menghasilkan penulisan mengenai tatabahasa Arab berjudul *Grammatica Critica Linguae Arabicae*.

Ewald tampil menghasilkan karya tentang tatabahasa Arab apabila beliau merasakan karya *Grammaire Arabe* yang dihasilkan oleh De Sacy terlalu mengikut tradisi yang dibawa oleh sarjana nahu Arab. Sehubungan itu, Ewald tampil dengan karyanya berjudul *Grammatica Critica Linguae Arabicae* dihasilkan berpandukan prinsip perbandingan bahasa Semitik (Killean 1984). Ewald juga menyatakan bahawa sarjana nahu Barat yang terdahulu begitu cenderung kepada prinsip asal dan tradisi yang dibawa oleh sarjana nahu Arab dan tidak berusaha untuk menjalankan kajian linguistik tersendiri (Ewald 1831).

Selepas berjaya menghasilkan sebuah karya berpandukan acuan linguistik bahasa Semitik, Ewald kemudiannya menterjemahkan karya tersebut ke dalam bahasa Latin. Pada pertengahan abad ke-19, timbul sebuah konflik tentang pandangan mengenai tatabahasa Arab yang bagus. Konflik tersebut ialah, adakah ukuran tatabahasa Arab yang bagus itu terletak kepada formula dan prinsip asal yang diasaskan oleh sarjana

nahu Arab atau melihat kepada kegunaan tatabahasa tersebut dalam prosa dan puisi Arab.

Di tengah-tengah konflik yang melanda itu, C. P. Caspari muncul dengan karya dalam bahasa Latin tentang tatabahasa Arab yang dirasakan lebih baik berbanding dengan karya yang dihasilkan oleh De Sacy dan Ewald.

C. P. Caspari (1844M)

C. P. Caspari atau nama sebenar Carl Paul Caspari juga merupakan seorang orientalis di Jerman. Beliau ialah seorang ahli falsafah dan akademik. Pada tahun 1844M, beliau telah menghasilkan sebuah penulisan mengenai tatabahasa Arab berjudul *Grammatica Arabica*.

C. P. Caspari muncul bersama karyanya, *Grammatica Arabica* di tengah konflik antara De Sacy dan Ewald pada pertengahan abad ke-16. Menurut Yoyo & Abdul Mukhlis (2019), karya Caspari ini dilihat lebih tenang dan lengkap dalam menyatukan prinsip asal tatabahasa Arab dengan konsep linguistik yang dipelajari oleh penduduk Eropah. C. P. Caspari mengambil pendekatan dengan mengekalkan istilah bahasa Arab tetapi dipersembahkan menggunakan bahasa Latin. Formula dan prinsip bahasa Arab masih dikekalkan seperti yang diasaskan oleh sarjana nahu Arab.

Usaha C. P. Caspari ini mendapat perhatian dan penghargaan oleh W. Wright apabila beliau menterjemahkan karya tersebut ke dalam bahasa Inggeris, berjudul *A Grammar of The Arabic Language* (Killean 1984).

W. Wright (1862/1874M)

W. Wright atau nama sebenar William Wright ialah seorang orientalis berasal dari British. Beliau ialah seorang pensyarah bahasa Arab di Universiti Cambridge. Pada tahun 1826M, beliau telah menghasilkan sebuah penulisan berjudul *A Grammar of the Arabic Language*.

W. Wright telah menterjemahkan karya C. P. Caspari berjudul *Grammatica Arabica* yang ditulis dalam bahasa Jerman ke bahasa Inggeris sekitar tahun 1859 hingga 1862. Namun begitu, dalam tempoh tersebut, W. Wright telah membuat ubah suai terhadap karya tersebut dengan merujuk secara terus kepada sumber-sumber primer tatabahasa Arab seperti karya al-Zamakhshari, Ibn ‘Aqil dan Ibn Malik. Pengubahsuaian yang dilakukan oleh W. Wright ini secara tidak langsung memberi nafas baru kepada karya C. P. Caspari tersebut dengan judul *A Grammar of the Arabic Language*.

Bukan itu sahaja, W. Wright turut memuatkan ortografi dalam karya tersebut bagi memudahkan masyarakat Eropah khususnya untuk mempelajari tatabahasa Arab.

Namun begitu, ortografi yang dipersembahkan oleh W. Wright dalam karya tersebut dilihat agak berat dan sukar untuk difahami bagi mereka yang baru berjinak dengan tatabahasa Arab (Smith 1896). Walau bagaimanapun, satu perkara yang harus dipuji dalam karya W. Wright ini ialah beliau mengekalkan formula sintaksis (susunan ayat), morfologi, kata kerja dan kata nama dalam bahasa Arab. Karya beliau menjadi karya yang terkemuka dan sering dijadikan rujukan dalam kajian tatabahasa Arab oleh penduduk di Eropah dan orientalis yang lain (Yoyo & Abdul Mukhlis 2019).

KESIMPULAN

Usaha mempersembahkan tatabahasa Arab ke dunia Barat mendapat perhatian orientalis sejak awal abad ke-16M iaitu selepas zaman Renaissance. Mereka percaya bahawa bahasa Arab merupakan alat bagi mereka menjalankan kajian mengenai Islam khususnya khazanah ilmu yang dimiliki oleh Islam. Rentetan daripada itu, kajian terhadap bahasa Arab mula mendapat perhatian golongan orientalis yang membawa kepada penghasilan penulisan tatabahasa Arab oleh mereka.

Terdapat ramai orientalis yang terlibat dalam usaha tersebut antaranya ialah tujuh orang orientalis yang terdapat dalam penulisan ini. Mereka ini merupakan antara orientalis yang begitu dikenali sebagai sarjana nahu di dunia Barat. Karya mereka juga sering dijadikan rujukan oleh masyarakat di Barat dalam mempelajari tatabahasa Arab. Namun begitu, perbezaan zaman dan generasi telah membawa kepada perbezaan dalam perbahasan dan pendekatan yang digunakan oleh mereka. Penulisan ini telah memaparkan perkembangan disiplin ilmu tatabahasa Arab yang berlaku di dunia Barat pada kurun ke-16M sehingga 19-M.

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa penulisan tatabahasa Arab di Barat bermula pada tahun 1505M oleh Pedro de Alcala dan diikuti oleh William Postel pada tahun 1538M. Kedua-duanya menghasilkan penulisan mengenai tatabahasa Arab yang berjudul *Arte Para Ligera-mente Saber La Lengua Arauiga* dan *Die Arabischen Studien in Europa Bis In Den Anfang Des 20*. Secara umumnya, penulisan tatabahasa Arab oleh dua orang orientalis ini bertujuan untuk memudahkan gerak kerja paderi Sepanyol mengkristiankan golongan Muslim Sepanyol. Perbincangan mengenai tatabahasa Arab dalam kedua-dua karya ini tidak lengkap dan masih terdapat banyak kelompangan.

Namun pada abad ke-17, Thomas Erpenius (1636M) memulakan penulisan tatabahasa Arab secara ilmiah tanpa sebarang tujuan keagamaan. Karya beliau berjudul *Grammatica Arabica* menggunakan teknik penyampaian tatabahasa Arab berpandukan model tatabahasa Greek dan Latin. Menjelang abad ke-19, penulisan mengenai tatabahasa Arab oleh tiga orang orientalis pada ketika itu dilihat semakin lengkap dan menyeluruh berpandukan kepada penulisan tatabahasa Arab oleh ulama

Islam. Ketiga-tiga orientalis tersebut adalah G. H. A. Ewald (1831M), C. P. Caspari (1844M) dan W. Wright (1862/1874M). Mereka turut menghasilkan karya yang berjudul *Grammatica Critica Linguae Arabicae*, *Grammatica Arabica* dan *A Grammar of the Arabic Language*.

Karya W. Wright (1862/1874M) menjadi sebuah rujukan tatabahasa Arab yang lengkap dan digunakan secara meluas di Barat sehingga hari ini. Perkembangan tatabahasa Arab di Barat tidak berlaku secara menyeluruh sebaliknya secara berperingkat mengikut peredaran zaman. Walau bagaimanapun, perkembangan tatabahasa Arab di Barat ini dilihat masih terikat dengan prinsip tatabahasa Arab yang diperkenalkan oleh sarjana nahu Arab. Meskipun pelbagai kaedah dan sistem yang diperkenalkan namun asas dan prinsip asal tatabahasa Arab yang asli masih dikekalkan.

RUJUKAN

- Abd. Rahim. 2010. Sejarah perkembangan orientalisme. *Jurnal Hunafa* 7(2): 179-192. 10.24239/jsi.v7i2.100.179-192
- Abdul Hadi Mohd Salleh. 1998. Pengajaran bahasa Arab komunikasi di ITM: masalah dan penyelesaiannya. Tesis Dr. Fal, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- al-Hashimiyy, Ahmad. 1998. *Qawa'id al-Asasiyyah li al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Alian. 2012. Metodologi sejarah dan implementasi dalam penelitian. *Jurnal Pendidikan dan Kajian Sejarah (Criksetra)* 2(2): 1-14. <https://repository.unsri.ac.id/id/eprint/22614>.
- al-Maqqari, Shihab al-Din Ahmad. 1988. *Nafh al-Tib min Ghushn al-Andalus al-Ratib*. Pnyt. ‘Abbas, Ihsan. Jil. 1. Bayrut: Dar Sadir.
- al-Suhaili, Abu al-Qasim ‘Abd al-Rahman. 1992. *Nataij al-Fikr fi al-Nahw*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Alwi Shihab. 1999. *Islam Inklusif Menuju Sikap Terbuka dalam Beragama*. Cet. IV. Bandung: Mizan.
- Arba’iyah Mohd Noor. 2000. Krtikan terhadap sumber dan fakta sejarah. *JATI Journal of Southeast Asian Studies* 5. <https://jati.um.edu.my/article/view/6493>.
- Arbak Othman. 1981. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Arnold, T. W. 1917. The student of Arabic. *Bulletin School Oriental Studies* 1(1): 112-121. <https://doi.org/10.1017/S0041977X0008976X>
- Cowan, W. 1981. Arabic grammatical terminology in Pedro de Alcalá. *Historiography of Linguistics* 8(2): 357-363. <https://doi.org/10.1075/hl.8.2-3.09cow>

- Dewan Redaksi *Ensiklopedi Islam*. 1999. Jilid IV. Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Edward, W. S. 1978. *Orientalism*. New York: Pantheon Books.
- Esposito, J. L. 2001. *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Ewald, G. H. A. 1831. *Grammatica Critica Linguae Arabicae*. Jerman: Leipzig 1833.
- Ferguson, C. A. 1964. Language study and the Middle East. *The Annals of The American Academy of Political and Social Science* 356: 76-85. <https://doi.org/10.1177/000271626435600110>
- Forbes, D. 1863. *A Grammar of The Arabic Language: Intended More Especially for the Use of Young Men Preparing for the Use of Self-instructing Students in General*. London: Allen & Co.
- Harun Nasution. 1995. *Islam Rasional Gagasan dan Pemikiran*. Bandung: Mizan.
- Hassan, Tammam. 2003. *al-Khulasah al-Nahwiyyah*. Kaherah: °Alam al-Kutub.
- Killean, C. G. 1984. The development of Western grammars of Arabic. *Journal of Near East Studies* 43(3): 223-230. <https://doi.org/10.1086/373081>
- Mat Taib Pa. 2006. Dasar-dasar utama pengajaran nahu arab di Malaysia. Dlm. Mat Taib Pa & Mohd Rosdi Ismail (pnyt.). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Murad, Yahya. 2004. *Mu'jam Asma' al-Mustasyriqin*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyah.
- Mustafa Daud. 1994. *Kesusasteraan Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mustafa, Ibrahim. 1972. *al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Najjah Salwa Abd Razak. 2011. *Bahasa Arab dan Sejarah Nahu Arab*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Shawqi Dayf, Ahmad. 1968. *al-Madaris al-Nahwiyyah*. Kaherah: Dar al-Ma°arif.
- Smith, W. R. 1896. *A Grammar of The Arabic Language*. Terj. London: Cambridge University Press.
- Stewart, D. 1841. *A Practical Arabic Grammar*. London: JW Parker.
- Sulaiman Masri. 2006. *Bahasa Melayu Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Versteegh, K. 1997. *The Arabic Language*. New York: Columbia University Press.
- Yoyo. 2017. *Pemikiran Arab: Dinamika Intelektual, Ideolog, dan Gerakan*. Yogyakarta: Sociality.
- Yoyo & Abdul Mukhlis. 2019. Historiography of the Arabic grammar in Europe: the legacy of Wright's Arabic grammar. Kertas kerja 1st International Conference on Progressive Civil Society (IconProCS2019). Universitas Ahmad Dahlan. Jogjakarta, Indonesia, 19 Februari.